


MENINGKATKAN KEHADIRAN MURID PRASEKOLAH MELALUI AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH 'MY GARDEN'

*Dr. Shella Devi Govindarajan

Sekolah Kebangsaan Silibin, Perak

Article Info	ABSTRAK
<p>Article history: Received: 19 Jan 2025 Revised: 2 Feb 2025 Accepted: 18 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p> <p>Keywords: kehadiran murid Pendidikan Pengurusan Sisa Pepejal dan 3R murid prasekolah My Garden</p> <p></p>	<p>Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kehadiran murid prasekolah ke sekolah melalui aktiviti luar bilik darjah My Garden. Responden kajian ini melibatkan seramai 25 orang murid prasekolah yang terdiri daripada 12 orang murid perempuan dan 13 orang murid lelaki. Objektif utama kajian adalah untuk meningkatkan jumlah kehadiran murid prasekolah ke sekolah melalui aktiviti luar bilik darjah My Garden. Objektif kajian kedua adalah untuk mewujudkan kesedaran kepada murid-murid prasekolah tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti My Garden. Kajian ini menggunakan model Kurt Lewin (1946). Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah pemerhatian berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah kehadiran murid prasekolah ke sekolah yang signifikan dengan menjalankan aktiviti My Garden. Aktiviti My Garden dibuktikan dapat menarik minat murid prasekolah untuk hadir ke sekolah tanpa gagal iaitu apabila murid-murid ini diberi tanggungjawab menanam pokok dan menjaga pokok tersebut setiap hari di sekolah. Kesimpulannya, aktiviti luar bilik darjah melalui Pendidikan Pengurusan Sisa Pepejal dan 3R Prasekolah dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Dengan ini, pengkaji menyedari bahawa aktiviti luar darjah My Garden dapat meningkatkan kehadiran murid prasekolah ke sekolah. Oleh yang demikian, cadangan kajian seterusnya melibatkan murid-murid prasekolah ialah mengadakan aktiviti-aktiviti lebih menarik agar murid-murid dapat menambah pengetahuan dan memberi tanggungjawab kepada murid-murid bagi mewujudkan tahap keyakinan diri kepada murid prasekolah.</p>

*Corresponding Author:

Email: g-00182676@moe-dl.edu.my



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14997228

PENGENALAN

Sekolah merupakan institusi pendidikan formal yang menjadi tempat utama murid menimba ilmu selepas pembelajaran di rumah. Guru-guru pula dilatih dengan baik untuk melaksanakan tanggungjawab mendidik murid. Namun begitu, terdapat sebahagian murid yang kurang berminat untuk hadir ke sekolah. Isu ketidakhadiran murid atau masalah ponteng sekolah telah lama menjadi cabaran disiplin yang serius dan semakin meluas dalam kalangan murid di sekolah. Masalah ini juga dikenal pasti sebagai isu yang sukar untuk diatasi (Mat Daud et al., 2021). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), seramai 32,092 murid-murid terlibat dalam gejala ponteng pada tahun 1993, manakala seramai 80,937 murid-murid terlibat dalam gejala ponteng pada tahun 1997. Hal ini membuktikan bahawa masalah ponteng ini masih belum menemui jalan penyelesaian walaupun menjangkau tempoh 20 tahun malahan ia semakin meruncing saban tahun. Masalah ini dikatakan berkemungkinan berpunca daripada pengurusan guru yang kurang berkesan, sikap murid yang kurang baik ataupun masalah-masalah lain (Amin, 2019; Yahaya et al., 2007). Terdapat juga punca-punca lain seperti kerja sambilan (Mat Daud et al., 2021), masalah keluarga dan masalah persekitaran sekolah (Amin, 2019; Mohd, 2013)

Terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan mengenai kaedah menangani masalah ponteng sekolah seperti sistem hukuman, demerit atau penalti, sistem pemberian hadiah dan sistem buku rekod kehadiran (Jemat & Yusof, 2017). Isu ketidakhadiran murid prasekolah ini disebabkan sikap murid itu sendiri dan juga sikap ibubapa yang menganggap pendidikan prasekolah adalah tidak penting. Prasekolah pada asasnya berperanan sebagai institusi pendidikan awal yang dirancang untuk mengembangkan kemahiran kognitif, sosial, emosi dan fizikal kanak-kanak dalam suasana yang menyeronokkan. Matlamat utama kajian ini untuk meningkatkan kehadiran murid prasekolah ke sekolah melalui aktiviti luar bilik darjah *My Garden* secara langsung dapat mewujudkan satu kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

TINJAUAN LITERATUR

Ponteng sekolah boleh ditakrifkan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa keizinan guru. Ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- i. Ponteng sekolah berterusan
- ii. Ponteng sekolah secara berkala

Ponteng sekolah berterusan melibatkan ketidakhadiran pelajar ke sekolah tanpa kebenaran secara berturut-turut untuk suatu tempoh masa yang lama manakala ponteng sekolah berkala melibatkan ketidakhadiran murid ke sekolah dalam tempoh-tempoh singkat dan berkemungkinan untuk berulang (Mat Daud et al., 2021). Kesalahan ponteng sekolah jenis kedua ini dilihat paling kerap dilakukan oleh murid-murid sekolah termasuk murid prasekolah.

Menurut Veloo dan Kim (2014), majoriti murid-murid prasekolah yang terlibat dalam gejala ponteng biasanya semakin serius sejak dunia dilanda pandemik Covid-19. Kanak-kanak berusia 5 dan 6 tahun masih berada dalam peringkat perkembangan yang belum matang sepenuhnya dan mungkin belum memahami proses alam persekolahan. Sewaktu fasa ini berlaku, mereka mula mencari identiti diri mereka dalam persekitaran sendiri iaitu di rumah mereka bersama ahli keluarga. Pada fasa ini, kanak-kanak cenderung untuk bebas melakukan apa sahaja yang mereka inginkan tanpa pengawasan orang dewasa. Mereka juga mudah terpengaruh dengan persekitaran sosial di sekitar mereka yang boleh mempengaruhi perkembangan mereka.

METODOLOGI KAJIAN


Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif yang menerangkan proses, langkah dan justifikasi kajian secara terperinci. Maklumat kajian diperoleh secara langsung daripada peserta-peserta kajian. Kaedah kuantitatif yang dikaitkan dengan ketepatan juga digunakan dalam kajian ini sebagai kajian intervensi. Kajian intervensi bertujuan untuk mengenal pasti sama ada intervensi yang dijalankan memberi kesan terhadap hasil kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Pengkaji menggunakan instrumen yang sesuai untuk mengumpul data. Instrumen dalam kajian ini akan diubahsuai daripada instrumen kajian lepas. Dalam kajian ini, instrumen yang telah digunakan iaitu rekod pemerhatian untuk mengukur peningkatan kehadiran murid prasekolah ke sekolah dan kesedaran murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Hal ini kerana untuk melengkapkan dan menyokong data yang diperolehi hasil daripada pemerhatian.

Dapatan kajian daripada kajian kuantitatif adalah pemerhatian dan perekodan kehadiran murid prasekolah seperti ditunjukkan daripada data SMPK (Sistem maklumat prasekolah kebangsaan) iaitu sebelum intervensi dan selepas intervensi. Selepas intervensi ini dijalankan keberkesanan kajian dapat dilihat dengan jelas apabila kehadiran murid prasekolah meningkat seperti ditunjukkan pada graf dalam *Rajah 1*.

Rajah 1: Peratus kehadiran murid prasekolah sebelum intervensi Mac-Jun 2023



Rajah 2: Peratus kehadiran murid prasekolah selepas intervensi Julai-November 2023



KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan hasil data yang dikumpul, didapati bahawa aktiviti luar bilik darjah *My Garden* dapat meningkatkan kehadiran murid prasekolah ke sekolah dan menarik minat murid ke sekolah dengan aktiviti-aktiviti yang menarik. Selain itu, tanggungjawab yang diberikan kepada murid untuk menjaga pokok masing-masing dan menjalankan tugas yang diberikan. Pada masa sama murid memahami kepentingan menjaga alam sekitar. Semasa kajian dijalankan, adanya penglibatan guru dalam aktiviti dimana guru sentiasa membimbing murid-murid. Ini bertepatan dengan teori yang dikemukakan oleh Friedrich Froebel iaitu murid-murid prasekolah perlu di bimbing untuk membantu mereka aktif (Wilson, 1967). Jaslinah Makantal (2014), melalui kajiannya turut mendapati bahawa meningkatkan kemahiran bekerjasama murid-murid prasekolah kepada yang lebih baik. Menerusi data diperoleh, ciri-ciri berkomunikasi ini dapat diterapkan semasa kajian yang membantu murid-murid bersuara dan meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Hasil daripada dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa aktiviti yang menarik di sekolah dapat menarik minat datang ke sekolah serta pengetahuan tentang pengurusan sisa makanan merupakan satu elemen penting untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Hal ini demikian kerana jika masyarakat mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pengurusan sisa makanan dengan menggunakan kaedah yang betul ia akan membantu mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dibawa masuk ke tapak pelupusan sampah.

RUJUKAN

- Abdul Manaf, S. Z., Mohamad Zaid, A. S., Din, R., Hamdan, A., Mat Salleh, N. S., Kamsin, I. F., Abdul Karim, A., & Lubis, M. A. (2015). Aplikasi mudah alih panduan solat dan penggunaannya. *Ulum Islamiyyah Journal*, 16, 43–61. <https://doi.org/10.12816/0028491>
- Aida, N. N., Salleh, A., & Yazid, A. B. A. (2018). Efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Psikoedukasi Dan Konseling*, 2(2), 14–22. <https://doi.org/10.20961/jpk.v2i2.16286>
- Amin, L. H. (2019). Masalah kecelaruan tingkah laku: Masalah ponteng sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 51–64. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.22>
- Jaslinah Makantal. (2014). Perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak melalui bermain. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 82–101.
- Jemat, J. A. M., & Yusof, C. N. A. (2017). T-Trace: Meningkatkan kehadiran ke sekolah dalam kalangan murid Tahun 4. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 167–176. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.593>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Menangani masalah ponteng di sekolah, pekeliling ikhtisas bil. 6/1995. Dicapai pada 10 Jun 2020. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2075-surat-pekelilingikhtisas-bilangan-6-tahun-1995-menangani-masalah-ponteng-di-sekolah/file>
- Mat Daud, N. F., Mat Yusoff, N. A. S., Mohd Azmi, N. H., Mohd Asri, S. Z. K., Zaidi, N. Z. M., & Husin, M. R. (2021). Kerja sambilan mempengaruhi ketidakhadiran pelajar Tingkatan 3. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 67–79. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0302.240>
- Veloo, A. & Kim, N. C. (2014). Jenis amaran dan faktor ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29(1).
- Wilson, S. (1967). The "Gifts" of Friedrich Froebel. *Journal of the Society of Architectural Historians*, 26(4), 238-241.